

Kejadian berlaku akibat kebocoran kepala hos dapur gas memasak

Hilang dinding akibat letupan

Oleh SYALMIZI HAMID

GEORGE TOWN
Seorang warga emas lelaki mecur selepas berlaku letupan di dalam unit pangsapurnya di Green Garden, Jalan Paya Terubong di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8 pagi itu, mangsa berusia 62 tahun mecur pada beberapa bahagian badan selepas disambar api akibat letupan itu, manakala penghuni lain terselamat.

Beberapa bahagian dinding di dalam unit di tingkat 20 itu runtuh selain tingkap dan pintu utama rumah turut tertanggal.

Impak letupan itu turut menyebabkan barangan di dalam rumah mangsa berselerak dengan beberapa peralatan rumah seperti



KEADAAN di dalam rumah berselerak selepas berlaku letupan di pangsapuri Green Garden, Jalan Paya Terubong, George Town semalam.



LETUPAN menyebabkan seorang warga emas mecur.

sofa dan perabot mempunyai kesan terbakar.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Che Zaimani Che Awang berkata, siasa-

tan pihak bomba mendapati punca kejadian adalah akibat kebocoran pada kepala tong gas.

"Keadaan itu menyebabkan gas memenuhi ruang

rumah dan dipercayai mangsa cuba menghisap rokok.

"Oleh yang demikian, punca daripada percikan api daripada pemetik

api yang digunakan oleh mangsa menyebabkan letupan itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Seorang penghuni yang merupakan anak lelaki

mangsa, Lee Chye Soon, 38, berkata, ketika kejadian, dia bersama isteri dan anak sedang tidur di dalam bilik, manakala mangsa berada di ruang tamu.

"Saya terkejut selepas terdengar letupan yang sangat kuat sebelum nampak bapa dalam keadaan cedera dengan pemetik api dan rokok berada berhampirannya.

"Saya ada terhidu bau gas yang kuat dan segera mencabut kepala hos dapur gas," katanya kepada pemberita semalam.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Paya Terubong, Muzamer Mohd. Salleh berkata, akibat kejadian itu, dua unit rumah terjejas kerana dinding runtuh di bahagian koridor dan bahagian belakang rumah," jelasnya.